

26 SEP 1996

S46-Exco

EXCO S46 SERAH BORANG SERTAI UMNO TAPI TAK LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Empat anggota Exco kerajaan negeri Kelantan daripada Parti Melayu Semangat 46 (S46) termasuk Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak akan menyerahkan borang menyertai Umno tanpa meletakkan jawatan Exco itu.

Biro politik S46, yang bermesyuarat hari ini dengan dipengerusikan Presiden parti itu Tengku Razaleigh Hamzah, memutuskan supaya empat anggota Exco itu turut menyerahkan borang bersama-sama anggota-anggota lain pada 8 Okt -- dua hari selepas parti itu dibubarkan.

Rozali berkata mereka tidak akan melepaskan jawatan Exco itu buat masa ini kerana mahu menghantar borang menyertai Umno terlebih dahulu.

"Kalau sudah diterima memasuki Umno nanti, boleh jadi kedudukan kami akan ditentukan oleh Umno," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat yang diadakan di kediaman Tengku Razaleigh itu.

Buat permulaan, lebih 200,000 anggota S46 dijangka menyerahkan borang berkenaan setelah pucuk pimpinan S46 memutuskan mengadakan mesyuarat agung khas pada 6 Okt bagi mendapatkan mandat membubarkan parti itu untuk kembali ke pangkuan Umno.

Mengenai kerumitan yang timbul disebabkan tindakan mereka untuk terus menjadi anggota Exco negeri sedangkan mereka memohon menyertai Umno, Rozali berkata beliau pasti ada cara menyelesaikan perkara itu dan ini akan dibincangkan kemudian.

Beliau juga tidak nampak masalah terhadap kedudukan mereka yang mungkin menjadi Exco tanpa parti buat seketika sementara menunggu permohonan menyertai Umno diterima setelah S46 dibubarkan.

"Yang penting sekarang ini, kita dilantik sebagai anggota Exco di atas nama kita bukan atas parti kita. Kuasa untuk memutuskan soal Exco terletak kepada Sultan melainkan kita meletakkan jawatan.

"Sultan pun tidak memecat kita sebagai anggota Exco, jadi kita akan duduk di situ sehingga apa-apa arahan oleh parti," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau menjangka permohonan untuk menyertai Umno itu akan mengambil masa, Rozali berkata ia mungkin memerlukan sedikit masa memandangkan lebih 200,000 permohonan dari anggota S46 yang perlu diproses.

Masalah politik di Kelantan telah berpanjangan sejak beberapa bulan lepas. Ekoran langkah S46 untuk menyertai semula Umno, Pas telah memutuskan segala hubungan dengan S46, sekutunya dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang membentuk kerajaan negeri itu. Bagaimanapun empat anggota S46 itu terus menganggotai Exco kerajaan negeri manakala Menteri Besar Nik Abdul Aziz Nik Mat masih belum memperolehi perkenan Sultan untuk menggugurkan mereka.

S46 dan Umno Kelantan kini bersiap untuk mengadakan satu perhimpunan besar-besaran yang dijangka dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, dan Tengku Razaleigh di Kota Baharu pada 3 Okt.

S46 kini mempunyai 11 anggota di dewan undangan negeri itu, Pas menguasai 25 kerusi manakala Barisan Nasional, tujuh. -- BERNAMA

AZZ NMO